



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR MBSP

## **SEMPENA**

MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN  
PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA  
PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL  
KEDUA 2019

**11 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

**2.45 PETANG**

**RUANG LOBI  
MENARA BANDARAYA, JALAN PERDA UTAMA,  
BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Yang Diraikan Pemenang – Pemenang Cabutan Bertuah**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Taksiran Penggal kedua 2019 yang diadakan khas sempena dengan naiktaraf Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai yang telah disempurnakan pengisytiharannya pada 16 September 2019.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pemenang Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Taksiran Penggal kedua 2019 atas kerjasama serta komitmen tuan / puan menjelaskan cukai taksiran dalam masa yang ditetapkan. Sebagai Datuk Bandar MBSP, saya amat berbangga di atas kesedaran dan keprihatinan warga Seberang Perai menjelaskan bil cukai taksiran demi kelangsungan Seberang Perai yang lebih progresif serta kondusif.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Program Promosi Bayaran Cukai Taksiran yang dilaksanakan setiap tahun telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga Seberang Perai. Namun promosi bagi penggal kedua ini adalah julung kali diadakan dan ianya juga kali pertama menawarkan hadiah berupa wang tunai. Antara hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi promosi ini adalah seperti :-

### Kategori Online/Melalui Agen Kutipan

- Wang tunai RM1000.00 setiap satu untuk tempat pertama hingga ke lima.
- Pelbagai jenis perkakasan telekomunikasi serta peralatan rumah atau elektrik untuk tempat ke enam hingga ke lima belas.

### Kategori Kaunter

- Wang tunai RM200.00 setiap satu.

Pada 27 September 2019 yang lalu, cabutan nama-nama pemenang telah dipilih yang mana 15 pemenang kategori online/agensi/bank serta lima (5) pemenang bagi kategori kaunter telah ditentukan.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Bagi promosi penggal kedua 2019 ini, hadiah kategori online/agensi/bank adalah sebanyak 15 hadiah, manakala sebanyak lima (5) hadiah disediakan bagi kategori kaunter. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan orang awam supaya membayar cukai taksiran di saluran-saluran alternatif yang telah disediakan selain daripada datang ke kaunter MBSP untuk membuat bayaran, selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Untuk makluman semua, dalam tempoh promosi Cukai Taksiran penggal kedua 2019, jumlah keseluruhan transaksi bagi online/agensi/bank adalah sebanyak 69,885 transaksi. Manakala jumlah transaksi bagi kaunter adalah sebanyak 34,881 transaksi. Jumlah ini menunjukkan sebanyak 67% bayaran telah dibuat secara online. Berdasarkan statistik ini, secara tidak langsung menunjukkan orang

awam telah mula menggunakan saluran online/agensi/bank untuk membuat bayaran cukai taksiran.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Senarai Nilaian semasa mengandungi butir-butir pegangan berkadar dan digunakan untuk kutipan cukai taksiran oleh MBSP telah digunakan berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 2005 sehingga kini.

Di bawah Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dikehendaki menyedia dan menyiapkan sesuatu Senarai Nilaian baru sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Senarai Nilaian MBSP sedia ada yang diterima pakai adalah pada 1 Julai 2005 dan telah diguna pakai selama 15 tahun dan akan tamat tempohnya 31 Disember 2019.

Dengan mengambilkira unjuran perbelanjaan MBSP yang meningkat setiap tahun serta beban kewangan yang perlu ditanggung, maka MBSP perlu meningkatkan pendapatan dan hasil cukai taksiran

sebagai satu cara untuk meningkatkan pendapatan MBSP. MBSP telah menanggung peningkatan kos perbelanjaan bagi pengurusan Seberang Perai secara keseluruhan sebanyak RM107 juta atau 784% kenaikan berbanding pada tahun 2005.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai dapat ditingkatkan bagi membiayai cadangan projek pembangunan serta kos untuk operasi bagi tahun 2020, maka, menjadi salah satu justifikasi agar Senarai Nilaian baru dapat dilaksanakan. Berdasarkan kepada kajian Penilaian Semula yang telah dijalankan, Senarai Nilaian baru 2020 dijangka akan dapat meningkatkan pendapatan Majlis bagi hasil cukai sebanyak RM39,743,077.02 pada tahun depan.

Pertambahan hasil cukai baru akan digunakan oleh MBSP di mana ia akan dikembalikan kepada rakyat Seberang Perai melalui pembangunan bandar, kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan jaringan jalan raya, penambahbaikan kemudahan awam dan banyak lagi.

Perbandingan kadar cukai taksiran dengan negeri-negeri lain adalah menunjukkan kadar cukai yang dicadangkan oleh MBSP masih berada di tahap yang lebih rendah berbanding dengan PBT-PBT lain yang setaraf dengannya.

MBSP telah pun menghantar notis pemberitahuan kepada setiap pemilik harta tanah seperti yang diperuntukan dibawah seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Setiap pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Cukai Taksiran di Tingkat 10, Menara Bandaraya MBSP di Bandar Perda.

Namun demikian, setiap pemilik yang tidak berpuas hati dengan Senarai Nilaian Baru 2020 mempunyai hak untuk membuat bantahan terhadapnya seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan membuat bantahan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan pada atau sebelum 14 Oktober 2019. Segala bantahan akan disiasat dan mereka yang membuatnya hendaklah diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu sama ada mereka sendiri atau melalui ejen yang diberikuasa.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Di dalam Hala Tuju Seberang Perai Ke Arah Bandaraya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari, MBSP telah merangka faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat apabila Seberang Perai menjadi Bandaraya. Salah satu faedah adalah Peluang-Peluang Pemilikan Rumah dan Meningkat Kualiti Hidup di mana MBSP memperkenalkan Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampung bagi memudahkan pemunya rumah kampong memiliki rumah, alamat kediaman dan memberi keselesaan.

Atas dasar keprihatinan MBSP kepada pemilik-pemilik rumah kediaman kampung, maka nombor patil TS (Taksiran Sahaja) dikeluarkan semula khusus kepada rumah-rumah kediaman kampung yang tiada kelulusan pelan bangunan atau Sijil Layak Menduduki (OC) atau Borang F Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Permohonan pengeluaran nombor patil TS hendaklah melalui borang permohonan yang dikemukakan oleh pemilik rumah kediaman kampung berwarganegara Malaysia kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBSP dalam tempoh antara 16 September 2019

sehingga 31 Disember 2020 sahaja. Selain itu, kelulusan pengeluaran nombor patil TS disyaratkan kepada binaan rumah kediaman kampung yang berkeluasan kurang daripada atau sama dengan 2,000 kaki persegi sahaja dan terletak dalam kawasan perkampungan (sedia ada wujud) sahaja yang mana tidak termasuk binaan kediaman kampung yang terletak dalam kawasan bandar atau industri.

Setiap permohonan yang berjaya, akan dikenakan caj bayaran sebanyak RM50.00 kepada pemilik rumah kediaman kampung berkenaan. Borang Permohonan Nombor Patil Taksiran Sahaja (TS) boleh diperoleh secara percuma dengan cara muat turun daripada

Laman	Web	Rasmi	MBSP
	<a href="https://www.mpsp.gov.my/brgonline/penilaian/patil-ts.pdf">https://www.mpsp.gov.my/brgonline/penilaian/patil-ts.pdf</a>		atau mendapatkan borang daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Bandar Perda.

Ruang yang dibuka oleh MBSP untuk mengemukakan permohonan nombor patil TS ini seharusnya direbut oleh pemilik-pemilik rumah kediaman kampung kerana mereka akan mendapat faedah dari segi penjimatan kos yang mana tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk menyedia dan mendapatkan kelulusan pelan.

Dari segi faedah sosial, pemilik-pemilik rumah kediaman kampung akan berasa lebih selesa dan yakin kerana rumah kediaman kampung mereka telah memiliki alamat pos tetap sendiri tanpa perlu bergantung alamat rumah jiran berhampiran untuk sebarang urusan surat-menyurat.

Kita berharap pengeluaran nombor patil TS ini memberi peluang kepada semua pemilik rumah-rumah kediaman kampung mendapatkan alamat tetap bagi rumah mereka sendiri untuk tujuan surat-menyurat. Ia juga memudahkan urusan mendapatkan kemudahan bekalan air dan elektrik serta kemudahan asas lain yang membolehkan penduduk hidup dalam keadaan selesa di dalam kawasan Seberang Perai.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP juga berhasrat menjadi Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Untuk makluman, pada 5 Oktober 2019, Cyber Counter telah dilancarkan dengan jaya semasa program “***Digital@SeberangPerai***” yang bertempat di Mydin Bertam Kepala Batas. Dengan wujudnya Cyber

Counter ini, semua urusan dapat diselesaikan secara online dengan cepat, mudah dan pantas.

Pada Januari 2019 yang lalu juga, MBSP telah melancarkan **MPSP QR Bill** iaitu fungsi imbas dan bayar yang diwujudkan pada bil cukai taksiran. Melalui inisiatif pintar ini, penduduk Seberang Perai boleh membuat bayaran cukai taksiran dengan mudah melalui telefon pintar dengan hanya mengimbas QR Code yang telah disediakan di bil masing-masing. Pembayaran boleh dibuat melalui kad kredit, kad debit atau FPX (Online Banking). Sehingga 4 Oktober 2019, jumlah kutipan cukai taksiran melalui MPSP Qr Bill adalah sebanyak RM420,922 dengan bilangan 1,557 transaksi.

Terima kasih kepada warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat selaras dengan naiktaraf Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai. MBSP juga menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan ke arah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh teknologi.

Akhir kata, Seberang Perai telah sampai dikemuncak penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mendapat taraf Bandaraya secara kebetulan. Seberang Perai mencapai taraf Bandaraya di atas usaha gigih Wira Orange, pimpinan yang berwawasan, rakyat yang muafakat. Justeru, berkat perasmian Menara Bandaraya pada malam ini, marilah kita sama-sama berazam dan bertekad untuk mempertahankan anugerah ini dengan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk.

**Sekian.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**